

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk memastikan persekitaran yang stabil dan kondusif bagi membawa pelaburan yang berkualiti serta memberi tambah nilai kepada ekonomi negara.

JAWAPAN

1. Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan persekitaran yang stabil dan kondusif untuk terus memastikan pelaburan yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi Negara, sekaligus mengimbangi *lives and livelihoods* yang memberi faedah bersama dalam pembangunan sosio-ekonomi rakyat.

2. Ini dizahirkan melalui peningkatan pelaburan yang diluluskan sebanyak 110.4 peratus dalam pelbagai sektor ekonomi, iaitu daripada RM22.1 bilion pada suku tahun kedua kepada RM46.5 bilion pada suku tahun ketiga tahun 2020. Di antara perancangan proaktif Kerajaan bagi menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti tinggi adalah melalui inisiatif berikut:

- i) Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam mendapatkan kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek pelaburan, antaranya:
 - a) Menubuhkan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk memudahcara urusan dan mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi yang berkaitan untuk bagi menyegerakan perlaksanaan projek pelaburan di Malaysia. Daripada 740 projek pengilangan yang diluluskan bagi tempoh Januari-September 2020, 210 projek (28 peratus) difasilitasi melalui PACU telah dilaksanakan;
 - b) Mewujudkan *One Stop Center* (OSC) di MIDA bagi memudahcara urusan kemasukan Pelawat Perniagaan (*Business Travellers*) bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Sehingga 2 Disember 2020, Jawatankuasa OSC telah menilai sebanyak 2,777 permohonan Pelawat Perniagaan Jangka Panjang, di mana sebanyak 2,635 permohonan telah diluluskan;

- c) Meluluskan Lesen Pengilang secara *fast track* melalui platform digital *e-Manufacturing Licence* untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua (2) hari bekerja. Bagi tempoh Julai hingga November 2020, sebanyak 353 projek telah diluluskan *e-Manufacturing Licence* dengan pelaburan bernilai RM22.8 bilion. Kelulusan ini adalah terdiri daripada 59.4 peratus pelaburan asing dan 40.6 peratus pelaburan tempatan;
 - d) Pelaksanaan permohonan untuk mendapatkan insentif cukai melalui platform digital *e-incentive* bagi aktiviti/ produk yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dan
 - e) Memperkasakan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (*National Committee on Investments - NCI*) sebagai Jawatankuasa pelulus pelaburan tunggal negara yang bermesyuarat setiap minggu, dimana semua penilaian dan kelulusan pakej pelaburan berkaitan insentif cukai dan geran di peringkat nasional dipusatkan. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020, pelaburan yang diluluskan oleh NCI dalam sektor perkilangan adalah berjumlah RM78.2 bilion, melibatkan 854 projek dan dijangka akan dapat mewujudkan lebih daripada 65,193 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung asing menyumbang sebanyak 62.2 peratus yang bernilai RM47.1 bilion.
- ii) Menawarkan insentif baharu bagi menggalakkan syarikat tempatan dan pelabur asing sedia ada untuk terus melabur, antaranya:

- a) Pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat sedia ada yang memindahkan fasiliti pengilangan luar negara ke Malaysia. Pelabur layak dipertimbangkan Galakan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus bagi tempoh 5 tahun dengan pelaburan modal melebihi RM300 juta (insentif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara - PENJANA); dan
- b) *Reinvestment Allowance* (RA) tambahan sebanyak 60 peratus untuk syarikat sedia ada dalam sektor perkilangan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian 2020 hingga 2022, di mana RA dan Insentif RA Khas telah tamat tempohnya (insentif di bawah PENJANA).

3. Selain daripada inisiatif ini, MITI melalui MIDA mengambil pendekatan secara holistik dan berterusan dalam menjadikan ekosistem pelaburan yang dinamik dalam jangka masa panjang seperti berikut:

- a) Menggalakkan pengilang-pengilang untuk menggunakan keluaran tempatan sebagai input supaya kos pengeluaran dapat diturunkan dan seterusnya mampu menawarkan harga pengeksportan yang lebih kompetitif;
- b) membangunkan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri di antara industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran, berkonsep ekosistem serta melalui penganjuran sesi persidangan pembekal-pembekal industri dan program-program pembangunan vendor, sekaligus membantu para pelabur asing menjalankan projek usahasama dengan pelabur tempatan atau '*contract manufacturing*';

- c) menggalakkan pelabur asing sedia ada untuk meningkatkan kualiti pelaburan di Malaysia dengan penekanan terhadap teknologi tinggi, inovasi dan nilai ditambah tinggi, berintensifkan modal dan pengetahuan, berorientasi eksport, reka bentuk dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan;
- d) menyasarkan untuk menarik syarikat-syarikat *Fortune 500* dan *Unicorns* global dalam sektor teknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu;
- e) mempromosikan dan memudahkan aliran masuk pelaburan asing akibat isu perdagangan antara Amerika Syarikat dan China; dan
- f) memperhebatkan aktiviti penggalakan pelaburan melalui pelbagai landasan termasuk menganjurkan '*webinar*' menerusi kolaborasi dengan dewan perniagaan, syarikat perbankan dan komuniti perniagaan antarabangsa, menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan pelbagai pihak berkepentingan dan menganjurkan program-program '*media blitz*' melalui platform elektronik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN

DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapa unit saham-saham di dalam syarikat-syarikat yang tersenarai yang sebelum ini saham-saham tersebut dimiliki oleh Tabung Haji (TH) yang kemudiannya dipindah ke Urus Harta Jemaah Sgn. Bhd. (UJSB) yang telah dijual oleh UJSB sejak Mac 2020 hingga Oktober 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 dan Parlimen pada 10 Disember 2018 berhubung Pelan Pemulihan Dan Penstrukturan Semula Lembaga Tabung Haji (TH), aset-aset TH yang tidak berdaya saing telah dipindahkan kepada Urusharta Jemaah Sdn Bhd (UJSB) pada 27 Disember 2018.
2. Antara aset yang dipindahkan adalah saham tersenarai melibatkan 106 ekuiti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia termasuk saham keutamaan, waran dan stok pinjaman. Aset tersebut telah dipindahkan kepada UJSB pada harga RM16.851 bilion sedangkan harga pasaran pada ketika itu hanyalah RM7.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sejak Mac 2020 hingga Oktober 2020, nilai saham yang telah dijual oleh Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) adalah RM2,623,090,572.79, di mana sebanyak RM1,998,873,942.88 merupakan saham-saham yang sebelum ini dimiliki oleh TH yang telah dipindah milik kepada UJSB. Dalam tempoh yang sama, jumlah pembelian semula saham oleh UJSB adalah sebanyak RM2,336,803,261.15. Lebihan sebanyak RM286,287,311.64 boleh diguna dan dilaburkan semula dalam pasaran ekuiti apabila terdapat peluang pelaburan yang boleh meningkatkan prestasi dana.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Nilai Aset Bersih (NAB) pegangan ekuiti UJSB pada 15 Oktober 2020 adalah hampir RM200 juta melebihi NAB yang dicatatkan jika ekuiti yang diambil alih daripada TH disimpan oleh UJSB tanpa melakukan apa-apa aktiviti pengurusan aktif (*warehousing strategy*).

5. Aktiviti penjualan saham-saham ini adalah sebahagian daripada aktiviti pengurusan dana aktif yang dijalankan oleh UJSB di mana hasil jualan saham-saham tersebut dilaburkan kembali ke dalam saham-saham lain yang lebih berkualiti dan dijangka dapat memberi pulangan lebih tinggi. Perbezaan NAB sebanyak RM200 juta tersebut membuktikan bahawa strategi pengurusan dana aktif ini telah berjaya membuahkan hasil yang akhirnya akan dapat mengecilkan jurang peruntukan dana yang perlu disediakan oleh Kerajaan untuk UJSB membayar sukuk kepada TH.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN

DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan aset alih dan aset tak alih milik Khazanah Nasional Berhad yang telah dilupuskan sejak Mac 2020 sehingga Oktober 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara bulan Mac hingga September 2020 (data sehingga suku ke-3 tahun 2020), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah melaksanakan pelupusan atas aset dan pegangan saham miliknya berjumlah kira-kira RM8.03 bilion.

2. Dalam tempoh tersebut, aset yang dilupuskan adalah dalam pelbagai sektor dan industri termasuk perbankan, teknologi, kesihatan, tenaga dan telekomunikasi yang terletak di dalam dan luar negara. Antara aset yang tersenarai yang dilupuskan adalah dalam Ping An Healthcare and Technologies, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Alibaba Group Holding dan Prince Court Medical Centre.

3. Pelupusan ini termasuk urusan jualan tertutup (*private sale*), pasaran sekunder terbuka (*open secondary market*) dan penempatan saham (*placements*) serta aktiviti korporat (*corporate action exercises*) seperti pertukaran saham dan pengurangan modal.

4. Segala pelupusan yang dilaksanakan merupakan aktiviti operasi biasa Khazanah. Memandangkan Khazanah tidak menerima sebarang suntikan dana berkala daripada Kerajaan, Khazanah menggunakan hasil daripada pelupusan tersebut bagi tujuan membiayai pelaburan baharu serta membayar balik hutangnya yang telah mencapai tempoh matang. Selaku syarikat dana pelaburan negara (*sovereign wealth fund*) yang memegang kepentingan dalam syarikat yang terlibat dalam pelbagai sektor dan industri, Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasarannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN

DATO' MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh bank-bank ekoran pelaksanaan moratorium sepanjang April hingga September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sehingga September 2020 sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan.
2. Seperti yang telah diumumkan dalam laporan LAKSANA, nilai yang dianggarkan untuk moratorium menyeluruh selama 6 bulan berjumlah kira-kira RM100 bilion, dengan kira-kira RM35 bilion kepada PKS dan RM65 bilion kepada peminjam individu. Seramai 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 PKS telah menikmati kemudahan ini.
3. Bantuan akan terus diberikan meskipun selepas moratorium menyeluruh berkenaan berakhir. Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar pada 1 Oktober 2020, bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada peminjam yang benar-benar terjejas akibat COVID-

19. Bantuan ini disediakan kepada peminjam yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada individu, isi rumah atau PKS sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.

4. Ekoran daripada gelombang ketiga wabak COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan juga telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada golongan B40 yang juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat. Selain itu, perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000 akan turut menikmati bantuan yang serupa.

5. Peminjam daripada golongan B40 akan diberi pilihan sama ada menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan mereka sebanyak 50% dalam enam bulan bermula Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukannya, proses permohonan telah dipermudahkan dan diringkaskan. Dalam kebanyakan keadaan, bank hanya menghendaki peminjam mengemukakan penyata bank terkini atau mengisytiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat sekatan pergerakan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank juga telah bersetuju untuk menerima pengisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

7. Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.